



31 Januari 2012
31 January 2012
P.U. (A) 35

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN (PINDAAN) 2012

FOOD (AMENDMENT) REGULATIONS 2012



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA MAKANAN 1983

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN (PINDAAN) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 34 Akta Makanan 1983 [Akta 281], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama

1. Peraturan-Peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Makanan (Pindaan) 2012**.

Peraturan baru 27A

2. Peraturan-Peraturan Makanan 1985 [P.U. (A) 437/1985], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 27 peraturan yang berikut:

“Botol susu yang dilarang

27A. (1) Tiada seorang pun boleh mengimport, mengilang atau mengiklankan untuk jualan atau menjual apa-apa botol susu yang mengandungi Bisphenol A (BPA).

(2) Perkataan “bebas BPA” boleh dilabelkan pada botol susu atau bungkusan botol susu yang tidak mengandungi Bisphenol A (BPA).”

Peraturan baru 178A

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 178 peraturan yang berikut:

“Sarang Burung Yang Boleh Dimakan dan Hasil Sarang Burung Yang Boleh Dimakan

Sarang burung yang boleh dimakan

178A. (1) Bagi maksud Peraturan-Peraturan ini, sarang burung yang boleh dimakan ialah sarang burung yang dihasilkan daripada bahan berkanji dalam air liur yang dirembeskan dalam dua kelenjar air liur sublingual burung walit daripada spesis *Aerodramus* iaitu *Aerodramus fuciphogus*, *Aerodramus maximus* atau spesis *Collocalia* yang sesuai untuk dimakan oleh manusia.

(2) Sarang burung yang boleh dimakan boleh menjalani proses pembersihan termasuk pengasingan, perendaman, pencabutan bulu dan bendasing, pembentukan dan pengeringan.

(3) Sarang burung yang boleh dimakan yang mentah dan telah menjalani proses pembersihan di bawah subperaturan (2) hendaklah mengandungi tidak lebih daripada 30 miligram setiap kilogram (mg/kg) nitrit yang hadir secara semula jadi.”

Dibuat 27 Januari 2012
[KKM-163/S/6; PN(PU2)418/XVII]

DATO' SRI LIOW TIONG LAI
Menteri Kesihatan

FOOD ACT 1983

FOOD (AMENDMENT) REGULATIONS 2012

IN exercise of the powers conferred by section 34 of the Food Act 1983 [Act 281], the Minister makes the following regulations:

Citation

1. These regulations may be cited as the **Food (Amendment) Regulations 2012**.

New regulation 27A

2. The Food Regulations 1985 [P.U. (A) 437/1985], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended by inserting after regulation 27 the following regulation:

“Prohibited feeding bottles

27A. (1) No person shall import, manufacture or advertise for sale or sell any feeding bottles containing Bisphenol A (BPA).

(2) The words “BPA free” may be labelled on the feeding bottles or on the packages of the feeding bottles which do not contain Bisphenol A (BPA).”.

New regulation 178A

3. The principal Regulations are amended by inserting after regulation 178 the following regulation:

“Edible Bird’s Nest and Edible Bird’s Nest Product

Edible bird’s nest

178A. (1) For the purposes of these Regulations, edible bird’s nest shall be bird’s nest produced from the glutinous material in saliva secreted in the swiftlet’s two sublingual salivary glands from the *Aerodramus* species which are *Aerodramus fuciphogus*, *Aerodramus maximus* or *Collocalia* species which is fit for

human consumption.

(2) Edible bird's nest may undergo cleaning processes including sorting, soaking, picking of feathers and impurities, moulding and drying.

(3) Raw edible bird's nest which has undergone cleaning processes under subregulation (2) shall contain not more than 30 milligram per kilogram (mg/kg) of nitrite which is naturally present.”

Made 27 January 2012
[KKM-163/S/6; PN(PU2)418/XVII]

DATO' SRI LIOW TIONG LAI
Minister of Health